

14/08/1998

KL '98 beri hasil RM100 juta

Bakhari Ariff

KUALA LUMPUR, Khamis - Negara dijangka memperolehi pendapatan lebih RM100 juta hasil daripada kemasukan pelancong sepanjang Sukan Komanwel XVI (KL '98) bulan depan, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik.

Beliau berkata, anggaran itu berdasarkan 60,000 hingga 70,000 pelancong melawat negara sepanjang tempoh sukan itu yang akan berlangsung pada 11 hingga 21 September dan mereka dijangka berbelanja purata RM1,562 seorang ketika tinggal di negara ini.

"Pendapatan itu hanya lapan peratus daripada anggaran pendapatan keseluruhan RM12.8 bilion yang disumbangkan oleh sektor pelancongan tahun ini," katanya pada sidang akhbar Pesta Malaysia '98, di sini hari ini.

Menurutnya, KL '98 memberi kesan positif kepada negara dalam jangka panjang kerana ia membantu memperkenalkan Malaysia kepada pelancong luar.

"Pendapatan lebih RM100 juta hanya dari segi jangka pendek dan pada jangka panjang KL '98 akan menghasilkan pulangan pendapatan berlipat kali ganda," katanya.

Pesta Malaysia dilangsungkan serentak dengan temasya sukan itu, Festival Kebudayaan Komanwel dan Festival Dataran Merdeka untuk menarik pelancong luar serta memberi peluang kepada rakyat negara ini menyaksikan kekayaan seni dan budaya tempatan.

Kementerian melalui Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) menganjurkan pelbagai aktiviti merangkumi kesenian, masakan dan permainan di beberapa tempat di Kuala Lumpur.

Perasmian pesta kali ke-12 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan diadakan di Dataran Merdeka, pada jam 8.45 malam, 13 September ini.

Dua pentas akan didirikan bagi persembahan kesenian iaitu di Jalan Tuanku Abdul Rahman dan di Pasar Budaya bermula jam 8.45 malam hingga 10.00 malam hari itu.

Bagaimanapun, Pasar Budaya akan mengadakan persembahan sebelah petang oleh kumpulan kesenian dari negara Komanwel mulai jam 5.30 hingga 7 petang.

Sempena Pesta Malaysia juga, Perbadanan Kemajuan Kraftangan akan menganjurkan Bulan Budaya Kraf pada tarikh sama di Kompleks Budaya Kraf, Jalan Conlay.

Selain itu, pertandingan gasing pangkah kebangsaan akan berlangsung bermula 14 hingga 19 September. Orang ramai juga boleh belajar dan membuat gasing secara percuma.

Bagi menggalakkan pelancongan domestik, Eksposisi Pelancongan Domestik akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dari 18 hingga 20 September ini.

Eksposisi itu membolehkan orang ramai melihat produk-produk pelancongan, tempat menarik, penginapan, pengangkutan dan aktiviti berkayak, mendaki dan berkhemah.

Setakat ini, 12 negeri mengesahkan penyertaan dalam Pesta Malaysia dengan kerjasama hotel dan kompleks beli-belah bagi menjayakan Pesta Malaysia.

Selain itu, 10 hotel dan dua kompleks beli-belah bersetuju menyertai secara bersendirian.

(END)